

20/12/2001

Peguam Muslim yakin kemampuan Abdul Gani

KUALA LUMPUR, Rabu - Persatuan Peguam Muslim Malaysia yakin Datuk Abdul Gani Patail mampu melaksanakan tugas sebagai Peguam Negara berdasarkan pengalamannya sebagai Timbalan Kanan Pendakwa Raya.

Presidennya, Zaitoon Othman, berkata sepanjang menyandang jawatan itu Abdul Gani berjaya mengendalikan pelbagai kes jenayah yang rumit dan mencabar, termasuk membabitkan orang kenamaan.

"Kejayaan mengendalikan kes rumit dan mencabar itu adalah satu kelebihan pengalaman dari segi pendakwaan.

"Dalam kes (bekas Timbalan Perdana Menteri) Datuk Seri Anwar (Ibrahim) misalnya, ia adalah rumit dan mencabar. Abdul Gani boleh menimba pengalaman dan membuktikan kebolehannya," katanya mengulas bantahan parti pembangkang khususnya DAP dan Pas serta badan bukan kerajaan terhadap pelantikan Abdul Ghani sebagai Peguam Negara.

Pihak terbabit mendakwa Abdul Gani kurang pengalaman dan pelantikan itu tidak dibuat mengikut Perlembagaan Persekutuan iaitu diumumkan sebelum mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong.

Pengumuman itu dibuat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Rais Yatim, ketika Yang di-Pertuan Agong waktu itu sedang tenat dan mangkat dua hari kemudian.

Abdul Gani, 46, dilantik sebagai Peguam Negara menggantikan Datuk Seri Ainum Mohd Saaid, yang meletak jawatan atas sebab kesihatan, berkuat kuasa 1 Januari depan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Isnin lalu menyifatkan mereka yang membantah pelantikan Abdul Gani sebagai Peguam Negara, mempunyai motif politik.

Perdana Menteri berkata, adalah tidak adil untuk mempersoalkan kewibawaan Abdul Gani semata-mata beliau mengetuai pasukan pendakwaan dalam kes Anwar dan kes lain yang mendapat publisiti meluas.

Zaitoon berkata, siapa pun yang dipilih sebagai Peguam Negara perlu diberi masa secukupnya untuk membuktikan kemampuan sebenar.

"Siapa saja yang dilantik perlu membuktikan kewibawaan. Dakwaan dia muda atau kekurangan pengalaman adalah satu pandangan dan tidak semestinya dia tidak dapat menjalankan tugas," katanya.

Beliau berkata, Abdul Gani memenuhi kriteria penting iaitu peguam bertauliah serta berpengalaman dalam bidang pendakwaan dan jika ada kekurangannya ialah beliau belum membuktikan kewibawaan sebenarnya.

(END)